



KENYATAAN SEBUT HARGA MAJLIS SUKAN PAHANG

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang layak dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kepala / Sub Kepala **KOD BIDANG – 030501 PERALATAN SUKAN** di bawah tajuk seperti berikut: -

NO. KOD SEBUT HARGA	PERKARA	TARIKH BUKA	TARIKH TUTUP
SUKPHG-11.400-5/3/69 (2026-3)	TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERALATAN LATIHAN DAN PERTANDINGAN SUKAN MEMANAH BAGI PROGRAM SUKMA NEGERI PAHANG TAHUN 2026	02 MAC 2026 (ISNIN)	09 MAC 2026 (ISNIN)

2. Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan dokumen sebelum dibenarkan membeli dokumen: -

- 2.1 Sijil Akuan Pendaftaran dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF);
- 2.2 Sijil Perakuan Pendaftaran Syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan
- 2.3 Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate* - TCC).

3. Satu (1) salinan Sijil Asal di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan pihak Majlis semasa membeli dokumen. Majlis berhak menolak permohonan yang pada tanggapan Majlis ianya tidak layak.

4. Dokumen sebut harga boleh diperolehi pada waktu bekerja pejabat (**08.30 pagi - 12.30 tengah hari dan 02.30 petang - 04.30 petang**) di **Aras 1, Kaunter Bahagian Kewangan, Majlis Sukan Pahang, Kompleks SUKPA, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang**. Senaskah dokumen tawaran berjumlah **RM50.00** (tidak dikembalikan). Bayaran boleh dibuat secara atas talian ke akaun **Tetuan Majlis Sukan Pahang, Bank Islam Malaysia Berhad (0601 9010 0299 85)**. Salinan resit/ bukti bayaran hendaklah diserahkan kepada petugas kaunter sebelum serahan dokumen sebut harga dilakukan.

5. Majlis tidak tertakluk untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran daripada pembekal. Majlis berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

6. Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda **No. Kod Sebut Harga dan Tajuk Tawaran** di sudut kiri atas sampul surat ke dalam Peti Sebut Harga seperti alamat di bawah: -

**Pengarah
Aras 1, Majlis Sukan Pahang
Kompleks SUKPA, Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan, Pahang**

7. **Tarikh tutup tawaran adalah pada 09 Mac 2026 (Isnin), jam 12:00 tengah hari**. Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan akan ditolak.

.....
Pengarah
Majlis Sukan Pahang
Tarikh : 27.02.2026